



BULETIN NADI HAYAT



SAMBUTAN RAYA KAAMATAN

Terima kasih kepada semua pembaca yang budiman. Semoga anda mendapat manfaat daripada buletin yang disediakan ini. Tidak dilupakan kepada barisan sidang redaksi yang bertungkus lumus untuk menyediakan buletin ini. Semoga buletin akan dapat terus diterbitkan lagi pada masa akan datang.

Badan Redaksi Nadi Hayat

- David Dominicus
- Jack Richie Lee
- Jessica Yampai
- Lyncica Bonar
- Bartholemew G. Lee
- Normie E. Surin
- Clarice Jariman
- Ag. Ramlan Ag. Murshid
- Nooraini Armando
- Fredolin Andrew Sipail
- Ricardo Geonan Majutin



Hospital Tuaran dengan penuh semangat telah menganjurkan dua perayaan iaitu Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan yang dianjurkan bersama PERKIPS Tuaran dan Ahli Lembaga Pelawat Hospital (ALPH) Hospital Tuaran. Kedua-dua perayaan ini merupakan peristiwa yang signifikan dalam kalender budaya dan keagamaan di Malaysia. Majlis ini melibatkan seluruh warga hospital termasuklah Ahli Lembaga Pelawat Hospital (APLH), Sedafiat Sd. Bhd., Syarikat pengawal keselamatan dan Klinik Pergigian Tuaran. Sambutan Raya Kaamatan di Hospital Tuaran merupakan satu pengalaman yang meriah dan bermakna bagi warga hospital. Ia membawa keceriaan dan kebersamaan kepada semua yang hadir. Ini juga menunjukkan komitmen Hospital Tuaran dalam mewujudkan persekitaran yang harmoni dan inklusif di kalangan pelbagai budaya dan agama. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Ratu Kaamatan, Peraga Fesyen Kanak-kanak, Suara Raya Kaamatan, Menganyam Ketupat dan Cabutan Tiket Bertuah. Sambutan ini telah diadakan pada 19 Mei 2023 di Bilik Seminar, Hospital Tuaran Fasa II yang dirasmikan oleh Yb. Dr. Lydiarita M. Marajin (Pengarah Hospital Tuaran) dan turut dihadiri oleh Ybhg. Datuk Dr. G. Mohan a/l A. Gopal Naidoo (Pengerusi ALPH), Yb. Dr. Noraziah (Pegawai Kesihatan Kawasan Tuaran), Yb. Dr. Sutharsan (Pengarah Hospital KM), Yb. Dr. Primus (Pengarah Hospital KB) dan En. Hamdi Ujang (Pengurus Fasiliti Sedafiat (Tuaran). Sambutan ini diselenggarakan oleh Dr. Muhammad Faiz dan En. Hosana Christyon.



Persijilan Kualiti Hospital Tuaran

KECEMERLANGAN STAF HOSPITAL TUARAN

Dua (2) anggota kesihatan yang bertugas di Hospital Tuaran telah diberikan pengiktirafan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) atas perkhidmatan cemerlang. Pengiktirafan daripada JKNS ini secara langsung memberikan semangat kepada seluruh warga hospital untuk berkhidmat dengan lebih baik. Dua anggota ini adalah PJ JUPINA JAHAN, KETUA PENYELIA JURURAWAT HOSPITAL TUARAN, ANUGERAH CEMERLANG TAHUN 2023 yang DISAMPAIKAN SEMPENA SAMBUTAN HARI JURURAWAT NEGERI SABAH pada 22 JUN 2023 dan PPP JELES MUSILIM, ANUGERAH TOKOH PEMBANTU PERUBATAN HARAPAN NEGERI SABAH 2023 yang DISAMPAIKAN SEMPENA SAMBUTAN HARI PEMBANTU PERUBATAN PERINGKAT NEGERI SABAH 2023 pada 5 MEI 2023. HOSPITAL TUARAN



MINGGU KAWALAN INFEKSI DAN KEBERSIHAN TANGAN - JT Farisah Suidi


Unit Kawalan Infeksi (UKI) telah menganjurkan Minggu Kawalan Infeksi dan Kebersihan Tangan pada 19 - 23 Jun 2023 di dua (2) tempat iaitu Jabatan Pesakit Luar dan Lobi Hospital Tuaran Fasa II. Program ini adalah untuk memberi kesedaran bukan sahaja kepada kakitangan tetapi juga untuk orang awam yang datang ke hospital. Antara objektif adalah untuk mempromosikan cara pencucian tangan dengan betul, memberikan pengetahuan tentang *standard precaution* dan *transmission-based precaution* serta memberikan pengetahuan tentang penggunaan antibiotik dan ubatan. Seramai 296 pengunjung telah berkunjung ke pameran ini dan telah mendapat manfaat. Acara kemuncak adalah Majlis Penutupan pada 23 Jun 2023 yang telah disempurnakan oleh Dr. Muhammad Azam Abdul Razak mewakili Pengarah Hospital. Acara penutup diserikan dengan Montaj Minggu Kawalan Infeksi dan Kebersihan Tangan, Persembahan Peragaan PPE dan Persembahan Kebersihan Tangan yang merupakan kolaborasi antara ICLN/ICLP dan kakitangan Sedafiat. Turut disampaikan adalah Nurses Watch kepada ICLN/ICLP, penghargaan kepada semua yang telah menjayakan program ini dan penyampaian Anugerah Pematuhan Kebersihan Tangan 2022 kepada Wad Perempuan. TAHNIAH diucapkan kepada semua, semoga budaya Kebersihan Tangan dalam kehidupan seharian kekal dan dengan inisiatif seperti ini akan terus dijalankan di masa depan untuk memastikan Hospital Tuaran menjadi tempat yang selamat dan bebas daripada jangkitan.



DID YOU KNOW?

Dust to Dust

An average person sheds 1.5 grams of skin flakes every day, which may not seem like a lot, but that's enough to feed a million dust mites.



www.lung.org

KENALI BAHASA TEMPATAN

MELAYU - DUSUN - BAJAU - INGERIS

BANJIR

LUYUD

LIUD

FLOOD



PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR

BULAN	JUMLAH (PURATA)
APRIL	8,353
MEI	8,925
JUN	9,116
JUMLAH	26,394

BILANGAN IBU BERSALIN

BULAN	JUMLAH
APRIL	34
MEI	37
JUN	83
JUMLAH	154

Sumber: En. Suddy Amin, PT, Unit Rekod Perubatan

BANCIAN PESAKIT DALAM

WAD (KATIL)	APRIL	MEI	JUN
PEREMPUAN (20)	71.33%	85.81%	97.17%
LELAKI (20)	109.50%	115.65%	120.33%
BERSALIN (16)	23.96%	32.46%	64.73%
PEDIATRIK (26)	83.33%	78.78%	92.82%

Sumber: En. Irwandi Abdullah, PPT, Unit Rekod Perubatan

TOKOH BULANAN 2023

APRIL



Nur Eliza Syafika
Kewangan

MEI

Sambutan Hari
Jururawat Hospital
Tuaran 2023

JUN



Dr. Nur Akmal
Wad / Bilik Bersalin

KEMPEN DERMA DARAH

BULAN	LOKASI	DARAH	PINT
APRIL	4	62	
MEI	3	130	
JUN	4	140	
JUMLAH	11	332	

Sumber: Umi Nadia Natasya, Pegawai Seranta, Unit Transfusi Darah

Patience is the companion of wisdom.
Saint Augustine

LAWATAN PENYELIAAN KETUA PENYELIA JURURAWAT NEGERI SABAH

Hospital Tuaran telah menerima satu lawatan penyeliaan Ketua Penyelia Jururawat Hospital Negeri Sabah pada 19 April 2023. Lawatan penyeliaan ini adalah elemen penting bagi memastikan kualiti penjagaan kesihatan dan keselamatan pesakit. Beberapa tempat telah dilawati semasa penyeliaan ini termasuklah Wad Perempuan, Unit Bekalan Bahan Steril, Jabatan Kecemasan, Wad dan Bilik Bersalin, Jabatan Pesakit Luar serta bilik flebotomi. Melalui usaha berterusan, ketua penyeliaan oleh Pn. Karenita K. Shandu (Penyelia Jururawat Negeri) dan Pn. Christina Fong (Jururawat Terlatih) percaya bahawa Hospital Tuaran akan terus menjadi institusi kesihatan yang unggul.

Disediakan oleh: KPJH Jupina Jahan



SAMBUTAN HARI JURURAWAT HOSPITAL TUARAN - KPJH Jupina Jahan

Hospital Tuaran dengan bangganya telah menyambut Hari Jururawat peringkat Hospital Tuaran pada 22 Mei 2023. Sambutan ini adalah untuk menghargai setiap jururawat yang bertugas di hospital ini, dimana mereka sentiasa memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pesakit. Sempena dengan sambutan ini, seramai 7 jururawat telah dianugerahkan pekerja contoh 2023 iaitu PJ Hayati Saidal, KJ Azuen Awang, KJ Siti Fatimah, JT Nancy Siambat, JT Mariana Ahchong, JT Elinora Saumin dan JM Zanariah Immanuel yang telah disampaikan oleh Ybrs. Dr. Lydiarita M. Marajin, Pengarah Hospital bersama-sama dengan Matron Jupina Jahan, Ketua Penyelia Jururawat Hospital. Dengan tema sambutan tahun ini "Our Nurses. Our Future" semoga semua jururawat terus maju dan memberikan perkhidmatan cemerlang.



BENGGEL CARDIOPULMUNORY RESUSCITATION (CPR)

Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) merupakan suatu tindakan pertolongan pertama yang dilakukan pada seseorang yang mengalami jantung terhenti. Tujuan CPR adalah untuk menjaga aliran darah yang mengandungi oksigen mengalir ke organ vital seperti otak. Tindakan awal CPR adalah sangat penting sebelum tibanya bantuan paramedik dalam memastikan mangsa boleh diselamatkan. Hospital Tuaran telah mengadakan beberapa siri bengkel yang memberi latihan bukan sahaja langkah CPR yang betul tetapi juga penggunaan AED. Bengkel ini diadakan untuk warga hospital yang dikendalikan oleh Jabatan Kecemasan dan Trauma.



LAWATAN KERJA DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Ahli Parlimen P. 170 Tuaran sekali lagi telah membuat lawatan kerja ke Hospital Tuaran pada 5 Mei 2023 dan ini merupakan kali pertama Pengarah Hospital yang baru Ybrs. Dr. Lydiarita M. Marajin menerima kunjungan beliau. Beberapa isu telah dibangkitkan semasa lawatan ini termasuk laluan masuk ke hospital yang terlibat dengan projek lebuh raya Pan Borneo. DSP Madius sempat melawat Jabatan Kecemasan dan Trauma serta Wad Pediatrik. Ybrs. Dr. Lydiarita M. Marajin, Pengarah Hospital telah memberikan taklimat berkaitan hospital dan halatuju hospital dengan perkhidmatan pakar yang ada disediakan.



ALBUM HOSPITAL TUARAN



Perhimpunan Pagi April
18 April 2023



Mesyuarat Baby Friendly Hospital Initiative
bersama PKK Tuaran dan AKKSI Tuaran
14 Jun 2023



Jom Baca Bersama untuk 10 Minit
18 Mei 2023



Kursus Basic Pocus Ultrasound Siri 1
16 Jun 2023



Perhimpunan Pagi Mei
22 Mei 2023



Perhimpunan Pagi Jun
20 Jun 2023



Bengkel Incident Reporting (TOT)
23 Mei 2023



Naziran ICT
23 Jun 2023



Pasukan Kejohanan Bola Sepak I-Medik
27 Mei 2023



Naziran Urusan Perkhidmatan SPA
26 Jun 2023